

Penghayatan Al-Quran Dan Sunnah Dalam Pendidikan Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Masalah Penglihatan

[The Internalization Of Qur'anic And Prophetic Teachings In The Education Of Persons With Visual Disabilities]

Nureen Nushrah Mohd Idros

Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UNISIRAJ), 02600, Perlis, nureennushrah@gmail.com

Muhammad Lukman Mat Sin (Corresponding author)

Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UNISIRAJ), 02600, Perlis, drlukmanms@unisiraj.edu.my

Article
Progress:

Submission date:
20-05-2025

Accepted date:
20-06-2025

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menggali penghayatan Al-Quran dan Sunnah dalam konteks pendidikan bagi orang kurang upaya (OKU) kategori masalah penglihatan. Pendidikan bagi OKU kategori ini adalah aspek yang penting dalam memastikan keadilan dan inklusivitas dalam masyarakat. Namun, pendekatan yang sesuai dengan keperluan mereka masih menjadi isu yang penting. Melalui metodologi kualitatif, kajian ini melibatkan analisis teks Al-Quran dan Hadis, serta tinjauan kepustakaan terkini berkaitan dengan pendidikan OKU kategori masalah penglihatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Al-Quran dan Sunnah meletakkan dasar yang kukuh dalam memberikan perhatian khusus terhadap pendidikan OKU kategori ini. Konsep kasih sayang, keadilan, dan kebersamaan yang ditekankan dalam sumber-sumber Islam memberikan panduan yang relevan untuk pengembangan program pendidikan yang inklusif dan efektif bagi OKU kategori masalah penglihatan. Dengan memahami dan menerapkan nilai-nilai tersebut, masyarakat dan pengamal pendidikan dapat memastikan akses yang setara dan peluang pembelajaran yang berkualiti bagi OKU masalah penglihatan, yang pada gilirannya akan membantu mereka mencapai potensi penuh dalam kehidupan. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam pemahaman peranan Al-Quran dan Sunnah dalam konteks pendidikan OKU masalah penglihatan, serta memberikan landasan bagi pengembangan kebijakan dan praktik pendidikan yang lebih inklusif dan progresif.

Kata Kunci: Pendidikan, Al-Quran, Sunnah, OKU, Masalah Penglihatan

ABSTRACT

This study aims to explore the internalization of the Qur'an and Sunnah within the educational context for persons with disabilities (PWDs), specifically those with visual impairments. Education for this category of PWDs is a crucial aspect in ensuring justice and inclusivity within society. However, approaches that are truly aligned with their specific needs remain a significant concern. Employing a qualitative methodology, this study involves textual analysis of selected Qur'anic verses and Hadiths, alongside a review of contemporary literature related to the education of visually impaired individuals. The findings indicate that the Qur'an and Sunnah provide a strong foundational framework for addressing the educational needs of this group. Core Islamic principles such as compassion, justice, and inclusivity offer relevant guidance for the development of effective and inclusive educational programs for persons with visual impairments. By understanding and applying these values, educators and society at large can ensure equitable access and quality learning opportunities, enabling individuals with visual impairments to realize their full potential. This study contributes significantly to the understanding of the role of the Qur'an and Sunnah in the education of visually impaired PWDs, and serves as a foundation for the formulation of more inclusive and progressive educational policies and practices.

Keywords: Education, Qur'an, Sunnah, Persons with Disabilities (PWD), Visual Impairment

PENDAHULUAN

Pendidikan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan aspek penting dalam memastikan keterangkuman dan kesaksamaan dalam masyarakat. Mengenai penghayatan Al-Quran dan Sunnah dalam Pendidikan OKU, khususnya bagi mereka yang menghadapi masalah penglihatan, ia merupakan bidang yang menarik perhatian. Al-Quran dan Sunnah tidak hanya berperanan sebagai sumber ajaran agama, tetapi ia juga sebagai panduan etika, moral dan kehidupan dalam Islam. Jadi, keperluan untuk hidup mengikut lunas agama merupakan keperluan bagi setiap individu sekalipun kepada golongan OKU penglihatan.

Al-Quran adalah kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk seluruh umat Islam di dunia dan merupakan kitab terakhir. Walaupun umat Islam terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang, ada di antara mereka yang boleh membaca dan memahami Al-Quran. Namun, terdapat juga sebilangan umat Islam yang menghadapi cabaran dalam membaca dan memahami Al-Quran, terutama golongan yang mengalami kecacatan penglihatan (Shaipudin et al., 2024). Sebagai manusia yang sempurna kita seharusnya cakna dan membantu golongan kurang berupaya khususnya kecacatan penglihatan untuk mempelajari Al-Quran.

Melalui bantuan teknologi terkini seperti *Braille*, *cd-ROM*, *software* yang berkaitan dengan pembacaan Al-Quran, mereka yang cacat penglihatan juga dapat membaca dan memahami Al-Quran dengan baik (Jaafar & Aziz, 2018).

Kepentingan bagi golongan cacat penglihatan dalam menguasai ilmu agama tidak boleh diketepikan dan diabaikan. Ini kerana ia amat penting untuk membentuk keperibadian mereka dalam menjalani kehidupan beragama dan beribadah sebagaimana muslim yang lain (Jaafar & Aziz, 2018). Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada penerokaan isu dan cabaran pelajar kurang upaya penglihatan dalam kemampuan mereka untuk membaca serta menghayati Al-Quran dan Sunnah (Badri, 2018).

DEFINISI PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), OKU ialah individu yang mempunyai kekurangan fizikal, mental, intelektual atau deria yang menyekat penyertaan penuh dan berkesan individu tersebut apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan dalam masyarakat. Mengikut Akta OKU 2008, istilah OKU bererti Orang Kurang Upaya. Dalam bidang pendidikan, OKU dirujuk kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) atau Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dan selaras maksud penggunaannya dalam Bahasa Arab iaitu *Zawi al-Ihtiyajat al-Khassah*. OKU yang juga dikenali sebagai ‘Orang Kelainan Upaya’ merupakan kumpulan minoriti yang memerlukan perhatian dan bantuan pelbagai pihak khususnya masyarakat setempat bagi memastikan keberlangsungan hidup mereka sama ada dari sudut akses fizikal mahupun spiritual (Raus & Nabil, 2017).

Dalam konteks artikel ini, orang kurang upaya (OKU) ialah individu yang memiliki keterbatasan atau kesulitan dalam memahami, mengamalkan atau mendalami ajaran Al-Quran dan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Keterbatasan ini bersifat fizikal, mental atau sosial. Hal ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk kekurangan pendidikan agama, kekurangan akses kepada sumber Islam, malah ketidakupayaan fizikal atau mental untuk mengikuti ajaran Islam dengan betul.

Bagi individu yang mengalami keterbatasan ini, mungkin terdapat keperluan untuk sokongan tambahan daripada masyarakat, keluarga atau institusi agama untuk membantu mereka memahami dan menerapkan ajaran agama dengan lebih baik. Perkara ini boleh melalui program pementoran, pengajaran khas atau menyediakan sumber yang mudah diakses untuk mereka yang kurang upaya fizikal atau mental. Sikap prihatin, penyertaan dan komitmen dari masyarakat dan

negara dalam memuliakan serta menyantuni golongan ini merupakan suatu penanda aras bagi ketinggian nilai budi dan kegemilangan sesebuah tamadun (Ahmad Razuan, S.R. et al., 2019).

PRINSIP AL-QURAN DAN SUNNAH BERKAITAN PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA MASALAH PENGLIHATAN

Pendidikan merupakan salah satu hak asasi manusia. Ia juga mendapat penekanan yang khusus dalam agama Islam. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

“Menuntut ilmu itu adalah wajib atas setiap Muslim”. (Riwayat Ibnu Majah daripada Anas radhiAllahu `anhu).

Namun begitu, tidak semua individu mempunyai akses yang sama kepada pendidikan terutamanya mereka yang menghadapi kecacatan seperti masalah penglihatan. Dalam Islam, pendidikan dianggap sebagai salah satu aspek penting yang harus dititikberatkan. Prinsip Al-Quran dan Sunnah memberi pendoman yang jelas tentang bagaimana pendidikan harus dilaksanakan. Dengan memahami prinsip ini, kita boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif, supaya setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk berkembang maju. Artikel ini akan menggariskan beberapa prinsip utama yang terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah bagi menyokong pendidikan orang kurang upaya yang mengalami masalah penglihatan. Prinsip-prinsip Al-Quran dan Sunnah adalah seperti berikut:

KEADILAN DAN KESAKSAMAAN

Al-Quran menekankan prinsip keadilan dan kesaksamaan di antara semua individu dan masyarakat. Ini bermakna setiap orang mempunyai hak yang sama untuk menerima pendidikan yang berkualiti, tanpa diskriminasi berdasarkan keadaan fizikal atau kecacatan seseorang. Seperti firman Allah SWT di dalam surah Al-Nahl pada ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman...”. (Surah al-Nahl 16:90).

Ini menunjukkan bahawa dalam konteks pendidikan, setiap individu termasuk mereka yang mempunyai masalah penglihatan, harus diberi peluang yang sama untuk belajar dan berkembang. Oleh itu, dalam artikel ini, ditekankan bahawa pendidikan untuk orang cacat penglihatan mestilah berdasarkan prinsip kesaksamaan kerana mereka mempunyai hak yang sama untuk mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.

PRIHATIN DAN PENYAYANG

Sunnah Nabi Muhammad SAW mengajar kita kepentingan belas kasihan dan keprihatinan terhadap orang lain. Dalam satu hadith daripada Abu Musa radhiAllahu `anhu bahawa Nabi SAW telah bersabda:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Maksudnya:

“Seorang Mukmin terhadap mukmin yang lain adalah seperti satu bangunan yang mana bahagian yang satu menguatkan bahagian yang lain”. (Riwayat al-Bukhari).

Dalam pendidikan, prinsip ini menggalakkan pendidik untuk bersikap empati dan prihatin tentang keperluan dan keadaan pelajar, serta memberi sokongan yang diperlukan untuk memastikan kejayaan mereka. Dalam konteks pendidikan untuk orang kurang upaya masalah penglihatan ini, empati dan perhatian terhadap mereka adalah kunci untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif.

PERKEMBANGAN POTENSI

Al-Quran mengajar bahawa setiap individu mempunyai potensi unik yang mesti dikembangkan sepenuhnya. Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah pada ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

Maksudnya:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya...”. (Surah Al-Baqarah 2: 286).

Perkara ini menunjukkan bahawa pendidikan untuk orang kurang upaya haruslah dirancang untuk mengembangkan bakat dan kemampuan unik mereka tanpa mengira keterbatasan fizikal yang dihadapi. Jadi dalam artikel ini, ditekankan kepentingan pendidikan

secara holistik yang bukan sahaja tertumpu kepada aspek akademik, tetapi juga untuk mengembangkan kemahiran, bakat dan minat mereka walaupun mempunyai masalah kecacatan.

Prinsip-prinsip Al-Quran dan Sunnah menyediakan panduan yang menyeluruh untuk pendidikan inklusif dan saksama untuk semua individu, termasuk mereka yang kurang upaya bagi masalah penglihatan. Dengan mengamalkan keadilan, prihatin dan mengembangkan potensi, kita boleh memastikan bahawa pendidikan menjadi satu alat yang berkuasa untuk memperkasakan semua individu tanpa mengira keadaan fizikal mereka. Melalui pendekatan yang berlandaskan ajaran Islam, kita dapat membentuk sebuah masyarakat yang lebih inklusif, di mana setiap individu boleh mencapai potensi penuh mereka dengan sokongan dan kasih sayang sewajarnya.

ISU-ISU DAN CABARAN BERKENAAN PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA MASALAH PENGLIHATAN

Pendidikan adalah perkara yang penting bagi setiap individu, tanpa mengira latar belakang atau keadaan fizikal seseorang. Namun, bagi orang kurang upaya penglihatan, mendapatkan pendidikan yang setara dan berkualiti sering menjadi satu isu dan cabaran yang besar. Golongan orang kurang upaya (OKU) mempunyai hak untuk menjalani kehidupan seperti masyarakat normal dan keperluan mereka perlu diberi perhatian supaya mereka mendapat hak sama rata. Isu-isu berkaitan dengan golongan OKU perlu diberi perhatian dan penekanan supaya golongan OKU mendapat menikmati hak-hak dan keistimewaan serta dapat menyertai masyarakat normal dengan sepenuhnya (Khalil et al., 2022). Oleh itu, dalam artikel ini akan membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh golongan OKU serta cabaran yang perlu diatasi bagi memastikan hak-hak mereka tidak dikesampingkan.

HALANGAN KEMUDAHAN DAN FASILITI

Salah satu isu utama yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya adalah berkaitan halangan dan cabaran dalam memenuhi tuntutan agama. Antara halangan yang paling besar adalah dari segi kemudahan fasiliti untuk golongan OKU. Bagi golongan cacat penglihatan di Malaysia mereka menyatakan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang dan peluang bagi golongan cacat penglihatan untuk menimba ilmu selari dengan fungsi asalnya sebagaimana ia berperanan pada zaman Rasulullah SAW. Sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah radhiAllahu `anhu bahawa Nabi SAW bersabda:


مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَذَكَّرُونَ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَعَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Maksudnya:

“Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur’an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya”. (Riwayat Muslim, no. 4867).

Namun begitu, kebanyakan masjid di Malaysia yang dibina tidak ‘Mesra OKU’. Dalam hal ini, pihak berwajib perlu mengambil cakna isu-isu berkaitan fasiliti OKU dan perlu memainkan peranan bagi memudahkan mereka seterusnya dapat melahirkan golongan OKU yang boleh berdikari. Golongan ini amat memerlukan kemudahan-kemudahan untuk tujuan orientasi persekitaran contohnya melalui *Braille Paver* bagi orang kurang upaya masalah penglihatan. Perkara ini telah dikuatkan lagi dengan kajian oleh Hasnah Toran (2009) tentang sokongan dan halangan yang telah dihadapi oleh pelajar-pelajar OKU di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mendapati bahawa prasarana yang disediakan tidak dapat membantu golongan orang kurang upaya penglihatan dalam melaksanakan aktiviti harian seperti ketiadaan laluan bertanda. (Bakar, Ishak & Puji, 2017)

Rajah 1: Gambar Contoh *Braille Paver*.



Sumber: shutterstock.com, 2023.

Perkara yang sama dibangkitkan oleh Hikmah (2024) bahawa akses di masjid dan surau tidak selalunya mesra OKU kerana terdapat banyak halangan fizikal. Halangan-halangan ini dilihat sebagai satu bentuk diskriminasi dan penindasan sosial kerana menafikan hak OKU untuk ke rumah ibadat. Antara contoh fasiliti yang tidak ‘Mesra OKU’ adalah seperti akses bertangga tanpa kemudahan tanjakan (ramp), halangan di ruang wuduk seperti pembatas (kerb), penyalahgunaan tandas OKU sebagai stor janitor dan halangan akses ke ruang solat

Sebaliknya, penyediaan fasiliti yang ‘Mesra OKU’ mampu menarik golongan ini bersama golongan normal yang lain dalam melaksanakan ibadah solat secara berjemaah di masjid atau surau. Secara lansung dapat mendekatkan mereka dengan aktiviti kemasyarakatan dan program-program ilmiah yang dianjurkan oleh masyarakat setempat. Perkara ini mampu menggalakkan dan menarik lagi golongan OKU khususnya golongan cacat penglihatan yang lain untuk bersama-sama dalam menunaikan ibadah yang difardhukan ke atas mereka. (Bakar et al., 2017)

HALANGAN MENGAKSES MAKLUMAT

Sebagai seorang manusia, kita tidak lari daripada mendapatkan sesuatu maklumat terkini berkaitan sesuatu isu atau mempelajari ilmu yang terbaru yang boleh menambahkan pengetahuan seseorang bagi memperbaiki diri dalam menjalani kehidupan semasa. Maklumat-maklumat ini diperolehi sama ada daripada buku, institusi pendidikan, laman sesawang dan sebagainya. Namun begitu, ianya amat tersekat bagi golongan OKU terutamanya golongan cacat penglihatan dalam mengakses maklumat sebagaimana golongan normal yang lain. Golongan ini hanya bergantung sepenuhnya kepada pendengaran dan deria sentuh dalam menjalani kehidupan harian mereka.

Di samping itu, golongan orang kurang upaya penglihatan sangat memerlukan bahan bacaan yang berbentuk *Braille* iaitu sejenis penulisan atau sel titik timbul yang dibaca melalui sentuhan dalam membantu individu yang mempunyai masalah penglihatan untuk membaca. Salah satu produk yang telah dihasilkan dengan menggunakan kod *Braille* ini ialah Al-Quran Braille. Namun begitu, usaha mentranskripsi bahan dan sumber rujukan khususnya berkaitan ibadah atau pengajian Islam masih tidak banyak dilakukan. Ini menjadi salah satu cabaran bagi golongan ini dalam mendapatkan maklumat atau ilmu-ilmu yang berkaitan tuntutan ibadah secara mendalam.

Selain itu, golongan bermasalah penglihatan ini juga menerima maklumat secara langsung melalui pendengaran tentang apa yang disampaikan oleh seseorang kepada mereka. Penyampai maklumat memainkan peranan penting kepada golongan ini dalam mendapatkan maklumat

kerana mereka bergantung sepenuhnya dengan apa yang disampaikan terutamanya di sekolah atau di institusi pendidikan yang berkenaan. Hal ini, tenaga pengajar menjadi faktor utama dalam menarik minat pelajar OKU dalam menimba sesuatu ilmu dan hanya mereka sahaja yang mahir untuk memberikan pengajaran terhadap golongan ini.

Oleh itu, kekangan bahan rujukan berbentuk *Braille* menjadi antara faktor utama yang menghalang golongan kurang upaya penglihatan dalam meningkatkan potensi diri mereka dan mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu ilmu. Hal ini disarankan agar memperkayakan lagi penghasilan bahan rujukan Islami yang mentranskripsi ke dalam bentuk *Braille* bagi menambah ilmu dalam kalangan OKU cacat penglihatan. Selain itu, tenaga pengajar juga memerlukan latihan khas bagi melayakkan mereka untuk mengajar dan membantu golongan orang kurang upaya ini dalam memberi ilmu dan maklumat yang berkualiti (Bakar et al., 2017).

Dalam usaha meningkatkan pendidikan orang kurang upaya masalah penglihatan, kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan. Kerjasama ini adalah untuk memastikan semua pelajar mendapat peluang pendidikan yang sama. Infrastruktur mesra OKU, bahan pendidikan yang sesuai untuk latihan tenaga pengajar yang berterusan adalah elemen penting yang mesti diberi perhatian yang serius dalam pendidikan orang kurang upaya khususnya golongan cacat penglihatan.

Dengan komitmen berterusan dan kesedaran yang tinggi, kita boleh membina sistem pendidikan yang inklusif dan komprehensif. Ini bukan sahaja membantu pelajar yang bermasalah penglihatan mencapai potensi penuh, tetapi juga akan memperkayakan masyarakat dengan kepelbagaian dan bakat unik mereka. Masa depan yang lebih cerah dan lebih inklusif menanti jika kita semua mengambil langkah proaktif dalam merealisasikan pendidikan untuk semua golongan masyarakat.

KESIMPULAN

Memahami ajaran Al-Quran dan Sunnah dalam pendidikan orang kurang upaya (OKU) bagi masalah penglihatan amat penting dalam usaha kita membina masyarakat yang inklusif dan adil. Al-Quran dan Sunnah menekankan kepentingan menyediakan hak yang sama kepada semua individu, tanpa mengira kekurangan fizikal. Dalam pendidikan, prinsip ini mesti diterapkan dengan menyediakan kemudahan dan akses yang mencukupi untuk golongan cacat penglihatan serta memastikan mereka tidak terpinggir dan boleh mengakses peluang pendidikan yang sama rata. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Maidah pada ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اْعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ

لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”. (Surah al-Maidah, 5: 8).

Ayat ini menegaskan bahawa keadilan adalah prinsip dalam segala tindakan kita termasuk dalam memberikan pendidikan yang adil dan inklusif kepada golongan OKU. Memberi mereka peluang yang sama dalam pendidikan adalah manifestasi keadilan yang dituntut oleh Islam.

Secara kesimpulannya, penghayatan Al-Quran dan Sunnah dalam pendidikan golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan mengarahkan kita untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang adil dan inklusif. Ini melibatkan penyediaan kemudahan yang sesuai dan akses kepada maklumat yang mencukupi. Dengan menerapkan prinsip Islam, kita dapat memastikan golongan OKU tidak ketinggalan dan mampu mencapai kejayaan dalam Pelajaran dan kehidupan. Tidak dinafikan juga bahawa ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan umat. Ilmu yang bermanfaat akan menjadikan setiap individu muslim itu maju dan berdaya saing. Bagi umat Islam, Al-Quran dan Sunnah adalah panduan hidup dalam mendasari pendidikan (Bongsu & Baharudin, 2018).

RUJUKAN

- Al-Quran. *Mushaf al Madinah Arab Saudi*. Muja'mma' al-Malik al Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Syarif.
- Ahmad Razuan, S.R. et al. 2019. Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Umni Maktum (UMMI): Quranic Education for PwDs: Experience of Ibnu Umni Maktum Research Centre (UMMI). 'Abqari Journal. 20, 2 (Nov. 2019), 78-98. DOI:<https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.216>.
- Badri, R. N. F. R. Z., & Amin, A. S. (2018). Isu dan Cabaran Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Institusi Pengajian Tinggi (Issues and Challenges of Students with Visual Impairment at Higher Learning Institution). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3).
- Bakar, N. A. L., Ishak, H., & Puji, T. I. Z. T. (2017). Halangan Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (Oku) Penglihatan Di Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) Wilayah Terengganu. *Jurnal'Ulwan*, 2(1), 43-62.
- Bongsu, S. A. S. B., & Baharudin, A. M. B. (2018) Penghayatan Al-Quran Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak.1-6.
- Hikmah Kamarudin. (2024). Keperluan Wujudkan Model Masjid Mesra OKU. Malaysia Gazette. (2024, 25 Mac). <https://malaysiagazette.com/2024/03/25/keperluan-wujudkan-model-masjid-mesra-oku/>
- Hj. Mohd Raus, H. N., & Ahmad Nabil, N. (2017). Model dan Kurikulum Pendidikan al-Quran Holistik bagi OKU. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 1(1). <https://doi.org/10.33102/jqss.vol1no1.5>.
- <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHNPbUIPayt2QT09>.
- Jaafar, N., & Aziz, N. A. A. (2018). Faktor Penguasaan Pembelajaran Al Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(2), 12-23.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Definisi OKU. Retrived from:
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/>

- Khalil, N. D. M., Shaberi, M., Izhar, D. P. N., Rashid, A. M., & Rapini, A. M. (2022). Analisis isu-isu berkaitan hak dan permasalahan orang kurang upaya di Malaysia: Satu sorotan literatur: Analysis on issues related to rights and difficulties of people with disabilities in Malaysia: A literature review. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 33-51.
- Mohd Raus, N & Suryani, D. (2017). Khidmat Quran dan Sunnah bagi OKU: Pengalaman USIM. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 1(1). Retrieved from <http://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/4>.
- Norshidah Mohd Salleh, Aliza Alias dan Zalizan Mohd Jelas. (2009). Sejarah Pendidikan Khas di Malaysia. In Z. M. Jelas, Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan (pp. 1-14). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashed, Z. N., & Nor, S. M. (2020). Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya: Entertaining the Disabled (OKU) at the Mosque: Needs and Challenges of the Implementation. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(1), 19-27. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol4no1.58>.
- Shaipudin, N. I. T. B. M., Ghazali, M. A. I. B. M., Roslan, M. I. B. & Rosdi, M. N. A. B. (2024). Modul Memperkasa Quran Dan Sunnah Bagi OKU Penglihatan. 1-10.